

01 APR 1996

Parlimen - Bahas

AKTA KEGANASAN RUMAHTANGGA PERLU DILAKSANAKAN SEGERA

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Seorang pembangkang hari ini meminta kerajaan menyegerakan pelaksanaan Akta Keganasan Rumahtangga bagi mengatasi masalah penderaan dalam rumahtangga yang berleluasa kini.

Hajah Ilani Datuk Isahak (S46-Kota Baharu) berkata, akta itu yang akan dilaksanakan bersama-sama Kanun Keseksaan sudah lengkap untuk dilaksana dan sebarang kelemahan boleh diatasi menerusi pindaan-pindaan kepada akta itu.

Beliau berkata kerajaan tidak bersungguh-sungguh untuk melaksanakan akta itu kerana ianya tiada berkepentingan politik.

Semasa membahaskan usul mengucapkan terima kasih titah Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan persidangan Parlimen, pada persidangan Dewan Rakyat hari ini, Ilani berharap Raja-Raja menjalankan tanggungjawab mereka sebagai ketua negeri terutamanya berhubung hak-hak keistemewaan orang Melayu dan juga sebagai ketua agama Islam.

Katanya, kerajaan perlu mengambil langkah-langkah tertentu, jika didapati Raja-Raja tidak menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka.

Sementara itu, Dewan Rakyat menolak usul Encik Karpal Singh (DAP-Jelutong) mengenai kekesalannya kerana akta itu masih belum dikuatkuasakan selepas dua tahun diluluskan oleh Parlimen.

Ketika membentangkan usul itu Karpal berkata beliau kecewa dengan kelalaian Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka

Katanya, pertubuhan-pertubuhan wanita dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah berjuang selama satu dekad untuk membela nasib kaum wanita dan kanak-kanak yang menjadi mangsa keganasan rumahtangga di negara ini.

Encik Akbarkhan Abdul Rahman (BN-Libaran) berkata pindaan perlembagaan Sabah yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah lama dinanti-nantikan oleh rakyat Sabah kerana ia kaedah berkesan untuk mengurangkan penyalahgunaan kuasa dan meningkatkan perkongsian kuasa antara anggota kabinet.

Beliau berkata sudah sampai masanya Yayasan Sabah disusun semula mengikut keperluan semasa dan bagi menghadapi cabaran akan datang yang kian sofistikated.

Menurutnya, pemimpin-pemimpin politik tidak seharusnya dibenarkan menjawat jawatan Pengarah Yayasan Sabah atau Ketua Eksekutif Innoprise Corporation yang mempunyai kuasa penuh memberi kontrak kepada kontraktor-kontraktor yang dipilih untuk menebang dan mengangkut kayu balak kepunyaan badan itu.

Katanya, rekod menunjukkan sejak Yayasan Sabah ditubuhkan pada tahun 60-an, semua pengarah dan ketua eksekutifnya tidak dapat memisahkan diri daripada mengambil kesempatan dan peluang yang bertentangan dengan harapan rakyat dalam memelihara dan mengembangkan warisan rakyat.

Datuk Abu Seman Yusof (BN-Alor Gajah) berkata penekanan kepada penerapan teknologi dalam pendidikan, kurikulum, bimbingan dan kaunseling boleh memantapkan kemajuan pendidikan yang bakal melahirkan lebih ramai buruh mahir di negara ini.

Beliau berkata Kementerian Pendidikan perlu mencari langkah bersepadu untuk mengatasi kemerosotan pengambilan matapelajaran sains di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Pengurangan bilangan pelajar ini perlu diberi perhatian semua pihak kerana keadaan ini mempunyai implikasi besar kepada negara dalam menuju wawasan 2020, katanya.

Tan Yee Kew (BN-Klang) berkata pertumbuhan ekonomi pada kadar 9.5

peratus yang sedang dinikmati negara dengan pendapatan perkapita dijangka meningkat kepada RM11,000 dalam tahun 1996 dicapai dengan perancangan yang baik dan kepimpinan yang unggul serta penglibatan semua pihak dalam menjayakannya.

Mengenai Projek Hidroelektrik Bakun, beliau berkata soal pampasan harus diberikan perhatian dan sebagai dorongan pembangunan infrastruktur termasuk rumah-rumah panjang harus diberikan percuma kepada penduduk terbabit dan tidak ditolak kosnya daripada pampasan yang akan dibayar.

Persidangan Dewan Rakyat disambung esok. -- Bernama
RHM ARA NJ AHH